PP

lwn.

ABDUL AZIZ ABDULLAH

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, SHAH ALAM
ASMABI MOHAMAD PK
[PERMOHONAN JENAYAH NO: 44-108-2010]
4 OKTOBER 2010

PROSEDUR JENAYAH: *Perlucuthakkan - Permohonan - Isu awalan - Sama ada permohonan difailkan di luar masa - Sama ada permohonan perlucuthakkan harta dikira dari kedua-dua tarikh penyitaan dan pembekuan atau dari satu tarikh sahaja - Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001, s. 56(1)*

PERKATAAN & FRASA: *Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001, s. 56(1) - Teks Bahasa Malaysia 'dari tarikh pembekuan atau penyitaan' - Teks Bahasa Inggeris 'from the date of the freeze or seizure' - Sama ada pentafsiran teks Bahasa Inggeris lebih logik dan tepat*

Notis usul (lampiran 1) difailkan oleh pendakwaraya (pemohon) bagi memohon perintah mahkamah ini supaya wang berjumlah RM192,523,19 di dalam akaun semasa bernombor 32800002702 di United Overseas Bank (Malaysia) Berhad milik responden yang disita pada 17 Jun 2009 ("wang dalam akaun responden") dilucuthakkan kepada Kerajaan Malaysia di bawah s. 56(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 ('Akta'). Suatu perintah bagi pembekuan wang dalam akaun responden dibuat oleh seorang pegawai penyiasat Bank Negara Malaysia pada 29 Mac 2009 menurut peruntukan s. 44(1) Akta. Suatu perintah penyitaan dibuat oleh pendakwaraya kepada Ibu Pejabat United Overseas Bank (M) Berhad, pada 17 Jun 2009 di bawah s. 50(1) Akta. Responden membangkitkan isu awalan dan berhujah bahawa memandangkan lampiran 1 difailkan pada 16 Jun 2010, permohonan ini telah dibuat di luar tempoh masa yang diperuntukkan dalam Akta dan mahkamah wajar menolak lampiran 1 tanpa mendengarnya atas merit. Penghujahan ini dibuat berdasarkan pentafsiran s. 56(1) Akta di mana versi Akta Bahasa Melayu menyatakan, pendakwaraya boleh dalam tempoh 12 bulan daripada tarikh penyitaan dan pembekuan membuat permohonan

kepada seorang Hakim Mahkamah Tinggi bagi suatu perintah supaya harta itu dilucuthakkan sekiranya pendakwaraya berpuas hati harta itu berkaitan dengan suatu kesalahan di bawah s. 4(1) Akta. Dihujahkan responden bahawa kedua-dua tarikh penyitaan iaitu pada 17 Jun 2009 dan pembekuan iaitu 29 Mac 2009 hendaklah diambil kira. Selanjutnya, responden menghujahkan berdasarkan kepada tafsiran ini, tarikh pengiraan tempoh dua belas bulan hendaklah diambilkira dari tarikh 29 Mac 2009 dan bukan 17 Jun 2009. Oleh itu, lampiran 1 telah difailkan lima belas bulan dari tarikh pembekuan. Bagi menangkis responden, Timbalan Pendakwaraya (TPR) telah merujuk kepada s. 56(1) versi Akta Bahasa Inggeris yang menyatakan 'before the expiration of twelve months from the date of the freeze or seizure.' Selanjutnya, TPR berhujah bahawa memandangkan lampiran 1 difailkan pada 16 Jun 2010, jika s. 56(1) dan (3) dibaca bersekali maka kesannya adalah tempoh yang wajar diambil kira ialah dua belas bulan daripada tarikh penyitaan iaitu 17 Jun 2009.

Diputuskan (menolak isu awalan; menetapkan kes untuk dibicarakan atas merit):

(1) Proses pembekuan di dalam kes ini telah diikuti oleh suatu proses penyitaan di bawah s. 50(1) Akta. Dalam situasi sebegini pentafsiran s. 56(1) Akta, versi Bahasa Melayu, akan membawa maksud yang tidak masuk akal sekiranya tarikh dua belas bulan yang dinyatakan dalam subseksyen itu, yang memberi kuasa kepada pendakwaraya untuk memohon kepada seorang Hakim Mahkamah Tinggi bagi suatu perintah pelucuthakkan harta, hendaklah dikira dari kedua-dua tarikh penyitaan dan pembekuan. Dari segi logiknya tempoh 12 bulan itu hendaklah diambil kira dari satu tarikh sahaja dan bukan dua tarikh kerana akan wujud situasi di mana tarikh pembekuan tidak sama dengan tarikh penyitaan. Ini membawa maksud pentafsiran teks Bahasa Inggeris adalah logik dan tepat. (perenggan 22)

(2) Kesemua peruntukan yang relevan berkaitan dengan pembekuan dan penyitaan dalam Akta hendaklah dibacakan secara harmoni bagi mengelak pentafsiran yang akan memberi kesan yang tidak masuk akal dan tidak logik. Pembacaan s. 56(1) dan (3) Akta secara harmoni dengan jelas mencadangkan tempoh dua belas bulan itu hendaklah diambil kira dari tarikh penyitaan kerana jika kedua-dua tarikh itu diambil akan wujud keadaan di mana hanya tarikh terawal iaitu

tarikh pembekuan wajar diambil kerana jika itulah pentafsirannya, dalam semua keadaan, hanya akan wujud situasi harta dibeku dahulu sebelum dirampas dan bukan sebaliknya. Seperkara lagi s. 56(3) Akta itu sendiri telah memperuntukkan apa-apa harta yang disita dan berkaitan dengan harta itu tiada permohonan dibuat oleh pendakwaraya di bawah s. 56(1) hendaklah apabila tamat tempoh dua belas bulan dari tarikh penyitaannya, dilepaskan kepada orang yang daripadanya harta itu disita. (perenggan 23)

(3) Dengan berpandukan kepada buku *NS Bindra's Interpretation of Statutes*, Edisi Kelapan, mahkamah ini telah cuba mengharmonikan peruntukan-peruntukan yang relevan dalam Akta bagi tatacara pembekuan dan penyitaan dan membuat keputusan, pengiraan tarikh bagi maksud s. 56(1) Akta hendaklah bermula dari tarikh penyitaan iaitu pada 17 Jun 2009. Lampiran 1 telah difailkan dalam tempoh masa. (perenggan 30)

Perundangan yang dirujuk:
Anti-Money Laundering And Counter Terrorism Financing Act 2001, ss. 4(1), 44(1), (5), 45, 50(1), 56(1), (3), 57, 61(2)
National Languange Act 1963/1967, s. 6

Sumber-sumber yang dirujuk:
NS Bindra's Interpretation of Statutes, Edisi Kedelapan Bab X111, ms 487, 493, 496, 500, 507

Bagi pihak pemohon - Asmah Musa TPR
Bagi pihak responden - P Jagesh; T/n M Jagesh & Co

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

PENGHAKIMAN

Asmabi Mohamad PK:

Latar belakang

[1] Notis Usul Usul bertarikh 16 Jun 2010 (lampiran 1) difailkan oleh pendakwa raya (pemohon) bagi memohon perintah mahkamah ini supaya wang berjumlah RM192,523.19 di dalam akaun semasa bernombor 32800002702 di United Overseas Bank (Malaysia) Berhad, Shah Alam Branch, 2A Ground Floor, Wisma Sunwaymas,

A Jalan Tunku Ampuan Zabedah C9/C, Section 9, 40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan milik responden yang disita pada 17 Jun 2009 ('wang dalam akaun responden') dilucuthakkan kepada Kerajaan Malaysia di bawah sub-s. 56(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan
B 2001 (Akta 613) ('Akta').

[2] Di samping itu pendakwa raya juga memohon perintah supaya suatu notis disiarkan dalam Warta menurut sub-s. 61(2) Akta bagi memanggil mana-mana pihak ketiga yang menuntut
C mempunyai apa-apa kepentingan mengenai harta alih di atas supaya hadir di hadapan mahkamah pada tarikh yang dinyatakan dalam notis ini untuk menunjuk sebab mengapa wang dalam akaun responden tidak boleh dilucuthakkan. Pemohon juga memohon perintah-perintah lain yang difikirkan adil, patut dan sesuai oleh
D mahkamah.

[3] Pada permulaan pendengaran lampiran 1 iaitu pada 30 Ogos 2010 peguam bela responden yang terpelajar ('peguam responden') telah memohon supaya mahkamah ini mendengar dan memutuskan
E satu isu awalan berhubung isu had masa bagi pemohon memfailkan permohonan di bawah sub-s. 56(1) Akta yang dikatakan telah tidak dipatuhi oleh pemohon dalam kes ini, sebelum mahkamah mendengar lampiran 1 atas meritnya.

[4] Setelah mendengar penghujahan peguam responden dan juga
F Puan Timbalan Pendakwa Raya yang terpelajar (Puan TPR) atas isu awalan ini mahkamah ini telah menolak isu awalan yang dibangkitkan dan menetapkan permohonan substantif seperti pada lampiran 1 untuk perbicaraan. Responden yang tidak berpuashati dengan perintah mahkamah berhubung isu awalan tersebut kini
G merayu kepada Mahkamah Rayuan Malaysia terhadap keputusan tersebut.

Kertas Kausa

H **[5]** Kertas-kertas kausa yang difailkan bagi tujuan pendengaran permohonan pemohon ialah:

5.1. Notis Usul bertarikh 16 Jun 2010 - Lampiran 1

5.2. Afidavit-afidavit sokongan pemohon oleh:

I Hajratul A'in binti Jaafar diikrar pada 15 Jun 2010 - Lampiran 2

Mohd Firdaus bin Md Karim diikrar pada 15 Jun 2010 - Lampiran 2

Afida Surina Sulaiman diikrar pada 15 Jun 2010 - Lampiran 2

5.3. Afidavit Pembetulan dan Tambahan Pemohon - Lampiran 6

Mohd Firdaus bin Md Karim diikrar pd 16 Julai 2010

5.4. Afidavit-afidavit jawapan Responden oleh:

Abdul Aziz bin Abdullah diikrar pada 10 Ogos 2010 - Lampiran 7

Abdul Aziz bin Abdullah diikrar pada 25 Ogos 2010 - Lampiran 8

Kronologi Peristiwa

[6] Untuk kemudahan rujukan diperturunkan kronologi peristiwa yang relevan bagi lampiran 1 seperti yang berikut:

16 Mac 2009 - Aduan bertulis dibuat oleh Mohd Firdaus bin Md Karim Pegawai Penyiasat Bank Negara Malaysia mengenai kesalahan yang dilakukan oleh Reed Corporation Sdn Bhd di bawah Akta 613 (eks. "AS-1" afidavit Afiza Surina Sulaiman (lampiran 2)). Lihat juga afidavit Mohd Firdaus bin Md Karim yang diikrarkan pada 15 Jun 2009 (lampiran 2).

26 Mac 2009 - Suatu perintah pembekuan di bawah sub-s. 44(1) Akta dibuat terhadap akaun semasa bernombor 32800002702 di United Overseas Bank (Malaysia) Berhad, Shah Alam Branch, 2A Ground Floor, Wisma Sunwaymas, Jalan Tunku Ampuan Zabedah C9/C, Section 9, 40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan milik responden (eks. "AS-2" afidavit Afiza Surina Sulaiman (lampiran 2))

17 Jun 2009 - Suatu perintah penyitaan menurut sub-s. 50(1) Akta telah dikeluarkan oleh pendakwa raya kepada United Overseas Bank (M) Berhad, Ibu Pejabat, Kuala Lumpur untuk menyita wang dalam akaun responden dengan baki wang berjumlah RM192,523.19 (eks. 'AS-3' afidavit Afida Surina Sulaiman (lampiran 2)).

16 Jun 2010 - Lampiran 1 difailkan di mahkamah ini.

Peruntukan Undang-Undang

[7] Melalui lampiran 1 pemohon telah memohon perintah mahkamah ini supaya wang dalam akaun responden yang disita pada 17 Jun 2009 dilucuthakkan kepada Kerajaan Malaysia menurut sub-s. 56(1) Akta.

[8] Untuk kemudahan rujukan diperturunkan seksyen-seksyen yang relevan dalam Akta seperti yang berikut:

> Pembekuan harta
>
> 44. (1) Tertakluk kepada seksyen 50, jika, sesuatu agensi penguatkuasa, yang mempunyai kuasa untuk menguatkuasakan undang-undang yang di bawahnya suatu kesalahan berat telah dilakukan, mempunyai sebab yang munasabah untuk mengesyaki bahawa suatu kesalahan di bawah subseksyen 4(1) telah, sedang atau akan dilakukan oleh mana-mana orang, ia boleh mengeluarkan suatu perintah membekukan mana-mana harta orang itu, walau di mana jua harta itu berada, atau dalam milikannya, di bawah kawalannya atau perlu dibayar apa-apa sumber kepadanya.
>
> (2) Suatu perintah di bawah subseksyen (1) boleh termasuk:
>
> (a) suatu perintah untuk mengarahkan supaya harta, atau mana-mana bahagian harta itu yang ditentukan dalam perintah itu, tidak dilupuskan, atau selainnya diperlakukan, oleh mana-mana orang, kecuali mengikut apa-apa cara dan dalam apa-apa hal keadaan, jika ada yang ditentukan dalam perintah itu; dan
>
> (b) suatu perintah bagi memberi kuasa mana-mana pegawainya untuk mengambil jagaan dan kawalan harta itu, atau mana-mana bahagian harta itu yang ditentukan dalam perintah itu jika agensi penguatkuasa itu berpuas hati bahawa hal keadaan itu memerlukan yang sedemikian.

(3) ...

(4) ...

(5) Sesuatu perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah terhenti berkuat kuasa selepas sembilan puluh hari dari tarikh perintah itu, jika orang yang terhadapnya perintah itu telah dibuat tidak dipertuduh dengan suatu kesalahan di bawah Akta ini.

(6) ...

(7) ...

Penyitaan Harta Alih

45. (1) Semasa menjalankan penyiasatan tentang sesuatu kesalahan di bawah subseksyen 4(1), seseorang pegawai penyiasat boleh, setelah mendapat kelulusan daripada seorang pegawai penyiasat yang berpangkat lebih tinggi daripadanya, menyita apa-apa harta alih yang dia mempunyai alasan munasabah untuk mensyaki merupakan hal perkara kesalahan itu atau keterangan berhubung dengan kesalahan itu.

(2) ...

(3) ...

(4) ...

Penyitaan Harta Alih Dalam Institusi Kewangan

50. (1) Jika Pendakwa Raya berpuas hati berdasarkan maklumat yang diberikan kepadanya oleh seorang pegawai penyiasat bahawa apa-apa harta alih, termasuk apa-apa instrumen wang atau apa-apa pertambahan kepadanya, yang menjadi hal perkara sesuatu kesalahan di bawah subseksyen 4(1) atau keterangan berhubung dengan perlakuan kesalahan itu, ada dalam milikan, jagaan atau kawalan sesuatu institusi kewangan, dia boleh, walau apa pun mana-mana undang-undang atau rukun undang-undang lain, selepas perundingan dengan Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti atau Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan, mengikut mana-mana yang berkenaan, dengan perintah mengarahkan institusi kewangan itu supaya tidak melepaskan, berurusan tentang atau selainnya melupuskan harta itu atau mana-mana bahagiannya sehingga perintah itu dibatalkan atau diubah.

A (2) ...

(3) ...

(4) ...

B ...

Perlucuthakkan Harta Jika Tiada Pendakwaan

56. (1) Tertakluk kepada seksyen 61, jika berkenaan dengan apa-apa harta yang telah dibekukan atau disita di bawah Akta ini tiada pendakwaan atau sabitan bagi suatu kesalahan di bawah subseksyen 4(1), Pendakwa Raya boleh, sebelum tamat tempoh 12 bulan dari tarikh penyitaan dan pembekuan itu, memohon kepada seorang Hakim Mahkamah Tinggi untuk mendapatkan suatu perintah perlucuthakkan harta itu jika dia berpuas hati bahawa harta itu telah diperoleh hasil daripada atau berkaitan dengan suatu kesalahan di bawah subseksyen 4(1).

C

D

(2) Hakim yang kepadanya suatu permohonan dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah membuat suatu perintah bagi pelucuthakkan harta itu jika ia berpuas hati -

E

(a) bahawa harta itu ialah hal perkara atau telah digunakan dalam melakukan sesuatu kesalahan di bawah subseksyen 4(1); dan

F

(b) bahawa tiada pembelian suci hati dengan balasan berharga berkenaan dengan harta itu.

(3) Apa-apa harta yang telah disita dan berkenaan dengannya tiada permohonan dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah, apabila tamat tempoh dua belas bulan dari tarikh penyitaannya, dilepaskan kepada orang yang daripadanya harta itu telah disita.

G

(4) Dalam menentukan sama ada atau tidak harta itu telah diperoleh hasil daripada atau berkaitan dengan suatu kesalahan di bawah subseksyen 4(1), Mahkamah hendaklah menggunakan standard pembuktian yang dikehendaki dalam prosiding sivil.

H

...

61. Pihak Ketiga Yang Suci Hati

I

(1) ...

(2) Mahkamah yang membuat perintah perlucuthakan di bawah seksyen 55 atau Hakim yang kepadanya suatu permohonan dibuat di bawah subseksyen 56(1) hendaklah menyebabkan supaya disiarkan suatu notis dalam Warta memanggil mana-mana pihak ketiga yang menuntut mempunyai apa-apa kepentingan mengenai harta itu supaya hadir di hadapan mahkamah itu pada tarikh yang dinyatakan dalam notis itu untuk menunjuk sebab mengapa harta itu tidak boleh dilucuthakkan.

(3) ...

(4) ...

Isu-isu Yang Dibangkitkan

[9] Penelitian eks. "AS-2" pada afidavit Afiza Surina Sulaiman (lampiran 2) menunjukkan suatu perintah bagi pembekuan wang dalam akaun responden dibuat oleh Afiza Surina Sulaiman seorang pegawai penyiasat pada 29 Mac 2009 menurut peruntukan sub-s. 44(1) Akta. Selaras dengan peruntukan sub-s. 44(5) Akta perintah pembekuan tersebut terhenti berkuat kuasa selepas sembilan puluh (90) hari dari tarikh 29 Mac 2009 iaitu pada 29 Jun 2009.

[10] Suatu perintah penyitaan dibuat oleh pendakwa raya kepada Ibu Pejabat United Overseas Bank (M) Berhad, Kuala Lumpur pada 17 Jun 2009 melalui eks. "AS-3" pada afidavit Afiza Surina Sulaiman (lampiran 2) di bawah sub-s. 50(1) Akta. Menurut sub-s. 50(1) Akta, sekiranya pendakwa raya berpuas hati berdasarkan kepada maklumat yang diterimanya daripada pegawai penyiasat, wang dalam akaun responden, menjadi hal perkara di bawah sub-s. 4(1) Akta, suatu perintah boleh dibuat oleh pendakwa raya menurut sub-s. 50(1) Akta melarang pekerja atau ejen United Overseas Bank (M) Berhad, Kuala Lumpur untuk melepaskan, berurusan atau selainnya melupuskan wang dalam akaun responden sehingga perintah itu dibatalkan atau diubah.

[11] Subseksyen 56(1) Akta memperuntukan, bagi harta yang dibekukan atau yang disita, sekiranya tiada pendakwaan atau sabitan bagi suatu kesalahan di bawah sub-s. 4(1) Akta, pendakwa raya boleh dalam tempoh dua belas bulan daripada tarikh penyitaan dan pembekuan membuat permohonan kepada seorang Hakim Mahkamah Tinggi bagi suatu perintah supaya harta itu dilucuthakkan sekiranya pendakwa raya berpuas hati harta itu berkaitan dengan suatu kesalahan di bawah sub-s. 4(1) Akta.

[12] Peguam responden menghujahkan memandangkan lampiran 1 difailkan pada 16 Jun 2010 permohonan ini telah dibuat di luar tempoh masa yang diperuntukan dalam Akta dan berdasarkan kepada perkara ini sahaja mahkamah ini wajar menolak lampiran 1 tanpa mendengarnya atas merit. Penghujahan ini dibuat berdasarkan pentafsiran sub-s. 56(1) Akta di mana versi Bahasa Melayu Akta menyatakan, tempoh dua belas (12) bulan bagi tujuan pemfailan permohonan di bawah sub-s. 56(1) Akta hendaklah dikira dari tarikh penyitaan dan pembekuan. Dihujahkan peguam responden kedua-dua tarikh penyitaan iaitu pada 17 Jun 2009 dan pembekuan iaitu pada 29 Mac 2009 hendaklah diambil kira. Selanjutntya peguam responden menghujahkan berdasarkan kepada pentafsiran ini, tarikh pengiraan tempoh dua belas bulan hendaklah diambil kira dari tarikh 29 Mac 2009 dan bukan 17 Jun 2009. Oleh kerana lampiran 1 telah difailkan pada 16 Jun 2010 iaitu lima belas (15) bulan dari tarikh pembekuan, lampiran 1 telah difailkan di luar tempoh dua belas (12) bulan yang diperuntukkan oleh sub-s. 56(1) Akta. Berdasarkan kepada ini wang dalam akaun responden yang dibekukan dan disita itu hendaklah dikembalikan kepada pemohon.

[13] Bagi menangkis penghujahan peguam responden Puan TPR telah merujuk kepada sub-s. 56(1) versi Bahasa Inggeris Akta yang menyatakan seperti berikut:

> Subject to section 61, where in respect af any property frozen or seized under this Act there is no prosecution or conviction for an offence under subsection 4(1), the Public Prosecutor may, before the expiration of twelve months from the date of the freeze or seizure, apply to a judge of the High Court for an order of forfeiture of that property if he is satisfied that such property had been obtained as a result of or in connection with an offence under subsection 4(1).
>
> (subseksyen ini diterangi oleh saya untuk kemudahan rujukan)

[14] Selanjutnya Puan TPR menghujahkan sub-s. 56(1) Akta hendaklah dibaca selari dengan peruntukan s. 56(3) Akta yang dengan jelas memperuntukan apa-apa harta yang telah disita yang berkenaan dengannya tiada permohonan dibuat oleh pendakwa raya hendaklah apabila tamat tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh penyitaannya dilepaskan kepada orang yang daripadanya harta itu disita. Memandangkan lampiran 1 difailkan pada 16 Jun 2010 jika sub-s. 56(1) dan (3) dibaca bersekali maka kesannya ialah tempoh yang wajar diambil kira ialah dua belas (12) bulan

daripada tarikh penyitaan iaitu 17 Jun 2009. Puan TPR menghujahkan terdapat percanggahan dalam sub-s. 56(1) teks Bahasa Melayu yang menggunakan perkataan-perkataan '... sebelum tamat tempoh dua belas bulan dari tarikh penyitaan dan pembekuan itu' dan teks Bahasa Inggeris yang menyatakan 'before the expiration of twelve months from the date of the freeze or seizure'. Teks Bahasa Inggeris menyatakan tempoh dua belas bulan itu hendaklah diambil kira dari tarikh pembekuan atau penyitaan sedangkan teks Bahasa Melayu menyatakan tarikh yang hendak diambil kira ialah dari penyitaan dan pembekuan.

[15] Berdasarkan kepada pembacaan sub-s. 56(1) dan (3) dibaca bersekali, lampiran 1 yang difailkan pada 16 Jun 2010 iaitu satu hari sebelum tamatnya tempoh dua belas (12) yang dinyatakan dalam sub-s. 56(1) adalah sah dan teratur.

[16] Selanjutnya Puan TPR menghujahkan jika sekalipun terdapat apa-apa luar aturan berhubung dengan apa-apa tindakan yang diambil oleh pendakwa raya, luar aturan tersebut boleh diselaraskan menurut s. 57 Akta iaitu seksyen yang memberi perlindungan kepada pendakwa raya.

Keputusan Dan Rasional Mahkamah

[17] Pada pandangan mahkamah, sub-s. 44(5) Akta hanya terpakai dalam situasi suatu pembekuan telah dibuat terhadap sesuatu harta dan sekiranya dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh pembekuan itu orang yang terhadapnya perintah itu dibuat tidak dipertuduh dengan suatu kesalahan di bawah sub-s. 4(1) Akta perintah itu terhenti daripada berkuat kuasa terhadapnya. Proses pembekuan harta merujuk kepada sesuatu agensi penguatkuasa yang mempunyai kuasa untuk menguatkuasakan undang-undang yang di bawahnya suatu kesalahan berat telah dilakukan, atau dalam keadaan agensi penguatkuasa mempunyai sebab yang munasabah untuk mensyaki suatu kesalahan di bawah s. 4(1) Akta telah, sedang atau akan dilakukan oleh mana-mana orang.

[18] Sub-s. 50(1) Akta pula merujuk kepada kuasa yang diberi kepada pendakwa raya untuk menyita harta dan membuat perintah mengarahkan institusi kewangan supaya tidak melepaskan, berurusan dengan atau melupuskan harta atau mana-mana bahagiannya sehingga perintah yang dikeluarkan pendakwa raya dibatalkan atau diubah.

[19] Di samping itu s. 45 Akta memberi kuasa kepada seorang pegawai penyiasat yang menjalankan penyiasatan bagi suatu kesalahan di bawah sub-s. 4(1) Akta untuk menyita harta alih setelah mendapat kelulusan daripada pegawai atasannya. Di samping pendakwa raya nampaknya, seorang pegawai penyiasat juga mempunyai kuasa untuk menyita harta alih yang disyaki terlibat dengan kesalahan di bawah sub-s. 4(1) Akta.

[20] Sekiranya seksyen-seksyen yang dihuraikan di atas diteliti nampaknya akan terdapat beberapa proses yang berbeza iaitu proses pembekuan yang memberi kuasa kepada agensi penguatkuasa untuk melaksanakannya (sub-s. 44(1)), proses penyitaan harta alih yang diberi kepada pengawai penyiasat untuk melaksanakan setelah mendapat kelulusan daripada pegawai atasannya (sub-s. 45(1)) dan proses penyitaan yang memberi kuasa kepada pendakwa raya untuk melaksanakannya (sub-s. 50(1)). Kesemua proses ini boleh dibuat secara berasingan dan proses penyitaan tidak semestinya hendak didahului dengan pembekuan terlebih dahulu. Oleh yang demikian sub-s. 56(1) Akta mengambarkan tarikh-tarikh yang berbeza bagi kesemua proses ini. Akta juga mengambarkan akan berlaku situasi di mana pembekuan sesuatu harta akan terhenti setakat perintah pembekuan itu tanpa diikuti dengan suatu penyitaan. Dalam kes ini perintah pembekuan tersebut dengan sendirinya akan terhenti dari berkuat-kuasa sembilan puluh (90) hari dari tarikh pembekuan, tanpa agensi penguatkuasa mengambil apa-apa tindakan lanjut.

[21] Berhubung dengan kes ini perintah pembekuan (eks. "AS-2" pada afidavit Afiza Surina Sulaiman (lampiran 2)) masih sah apabila proses penyitaan dibuat oleh pendakwa raya pada 17 Jun 2009 (eksh. "AS-3" pada Afidavit Afiza Surina Sulaiman (lampiran 2)).

[22] Proses pembekuan ini telah diikuti oleh suatu proses penyitaan di bawah sub-s. 50(1) Akta. Dalam situasi sebegini pentafsiran sub-s. 56(1) Akta, versi Bahasa Melayu akan membawa maksud yang tidak masuk akal absurd sekiranya tarikh dua belas (12) bulan yang dinyatakan dalam subseksyen itu, yang memberi kuasa kepada pendakwa raya untuk memohon kepada seorang Hakim Mahkamah Tinggi bagi suatu perintah pelucuthakkan harta hendaklah dikira dari kedua-dua tarikh penyitaan dan pembekuan. Sekiranya itulah yang dihajatkan oleh Akta sewajarnya Parlimen dalam kearifannya akan memperjelaskannya dalam subseksyen berkenaan. Dari segi logiknya tempoh dua belas (12) bulan itu hendaklah diambil kira dari satu tarikh sahaja dan bukan dua tarikh

kerana akan wujud situasi di mana tarikh pembekuan tidak sama dengan tarikh penyitaan. Ini membawa maksud pentafsiran teks Bahasa Inggeris adalah lebih logik dan tepat. Walaupun saya faham dalam kes ini menurut s. 6 Akta Bahasa Kebangsaan 1963/ 1967 (Disemak 1971) naskah Bahasa Melayu hendaklah dijadikan naskah yang sahih namun dalam situasi ini terdapat kekeliruan berhubung tarikh manakah yang wajar diambil kira bagi maksud sub-s. 56(1) Akta dalam naskah sahih itu.

[23] Dalam situasi sebegini, pada pandangan mahkamah, kesemua peruntukan yang relevan berkaitan dengan pembekuan dan penyitaan dalam Akta hendaklah dibacakan secara harmoni bagi mengelak pentafsiran yang akan memberi kesan yang tidak masuk akal absurd dan tidak logik. Pembacaan sub-s. 56(1) dan 56(3) Akta secara harmoni dengan jelas mencadangkan tempoh dua belas bulan itu hendaklah diambil kira dari tarikh penyitaan kerana jika kedua-dua tarikh itu diambil akan wujud keadaan di mana hanya tarikh terawal iaitu tarikh pembekuan yang wajar diambil kerana jika itulah pentafsirannya, dalam semua keadaan, hanya akan wujud situasi harta dibeku dahulu sebelum dirampas dan bukan sebaliknya. Seperkara lagi sub-s. 56(3) Akta, itu sendiri telah memperuntukkan apa-apa harta yang disita dan berkaitan dengan harta itu tiada permohonan dibuat oleh Pendakwa Raya di bawah sub-s. 56(1) hendaklah apabila tamat tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh penyitaannya, dilepaskan kepada orang yang daripadanya harta itu disita.

[24] Suatu kaedah pentafsiran yang diterima ialah dalam situasi wujud keraguan mengenai maksud bagi perkataan-perkataan dalam sesuatu undang-undang, perkataan-perkataan itu hendaklah difahami dengan cara, pengharmonian terbaik dengan hal perkara mengenai undang-undang itu dan juga objek sebagaimana yang dihasratkan oleh undang-undang itu. Sekiranya terdapat kekaburan akan suatu pentafsiran, mahkamah yang berhadapan dengan kekaburan itu dikehendaki untuk memberi suatu pentafsiran bagi menghalang daripada berlakunya suatu mischief bagi mencari penyelesaian yang terbaik.

[25] Mahkamah telah membuat rujukan pada buku *NS Bindra's Interpretation of Statutes* Edisi Kedelapan Bab X111 pada ms. 487 di mana dinyatakan:

> If however two constructions are possible, then the Court must adopt that which will ensure smooth and harmonious working of the Constitution or the Act and eschew the other which will lead

A to absurdity or give rise to practical inconvenience or make well-established principles of existing law nugatory. The attempt should be to harmonise the various provisions of the enactment. But the provisions of one section in the Act cannot be used to defeat the provisions of another section in the same act unless reconciliation is impossible. It is a settled principle of interpretation that in case B of doubt the leaning must be in favour of the object and one should so harmoniously construe the provisions of the statute so as to avoid impairing obligations and to advance the object of the Act.

C **[26]** Selanjutnya di ms. 493 buku yang sama dinyatakan:

If the words of a statute are susceptible of two interpretations, they should be construed in a sense which is more in harmony with the intention of the Legislature though it might be less correct grammatically. If an alternative construction can be put D which would avoid injustice and not take away the right of appeal itself which is very valuable right, it is the duty of the Court to try and put such a construction. If the words of an Act admit of two interpretations, then they are not clear; and if one interpretation leads to absurdity and the other does not, the Court will conclude that the Legislature did not intend to lead to an E absurdity and will adopt the other interpretations. It is a settled rule of construction that if the words used are ambiguous and admit two interpretations and one of them leads to manifest absurdity or to a clear risk of injustice and the other leads to no consequences, the second interpretation must be adopted ... In any F case the Courts must steer clear of a construction which would be unjust, oppressive, unreasonable or absurd. Of the two alternative constructions which both is possible, the one which does not lead to absurdity should be accepted, and specially so then it is one which is most in accordance with the intention of G the legislature so far as it can be gathered from the provisions of the Act taken as a whole.

[27] Selanjutnya di ms. 496 pula dinyatakan:

In construing an instrument where its words are susceptible of H two meanings, it is always legitimate to take into account reasonableness, justice and consistency on the one hand, and unreasonableness, injustice and absurdity on the other.

[28] Di ms. 500 dalam buku yang sama *NS Bindra's* menyatakan:

I Where there are two possible constructions, it is the duty of the Court to use the commonsense construction.

[29] Sementara itu di ms. 507 buku yang sama *NS Bindra's* menyatakan:

> When two provisions are mutually contradictory they should be interpretated and read together so as to obviate too apparent inconsistency. It is well settled that all provisions have to be read and construed harmoniuosly, and even when there are apparent inconsistency between a section of the Act and the rules framed thereunder, there should be a harmonious contruction, so as to give effect to the intention of the Legislature and to achieve the object of the Act.

[30] Dengan berpandukan kepada buku *NS Bindra's Interpretation of Statutes*, Edisi Kelapan, mahkamah ini telah cuba mengharmonikan peruntukan-peruntukan yang relevan dalam Akta bagi tatacara pembekuan dan penyitaan dan membuat keputusan, pengiraan tarikh bagi maksud sub-s. 56(1) Akta hendaklah bermula dari tarikh penyitaan iaitu pada 17 Jun 2009.

[31] Selaras dengan alasan-alasan yang saya huraikan terdahulu daripada ini saya berpuas hati lampiran 1 telah difailkan dalam tempoh masa. Oleh yang demikian saya telah menolak isu awalan yang dibangkitkan oleh peguam responden dan menetapkan kes untuk dibicarakan atas merit.